Nama: ______________________________________

# PEPERIKSAAN BULAN APRIL
# TINGKATAN 5

## SEJARAH

Satu jam

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Jawab **semua** bahagian dalam kertas soalan ini.

| BAHAGIAN | MARKAH |
|---|---|
| A | |
| B | |
| Jumlah | |

Kertas ini mengandungi 8 halaman bercetak.

**BAHAGIAN A:** SOALAN OBJEKTIF

**[** masa diperuntukkan 40 minit **]**

**Arahan**: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh **empat** jawapan pilihan, iaitu **A, B, C,** dan **D**. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

1. Apakah perkataan yang merujuk kedaulatan dalam bahasa Arab?

**A** Daulat

**B** Derhaka

**C** Daulah

**D** Dermawan

2. Apakah konsep kekuasaan tertinggi sesebuah negara yang bebas?

**A** Kerajaan

**B** Kesatuan

**C** Kedaulatan

**D** Kewibawaan

3. Senaraikan berikut merujuk kepada perkataan kedaulatan dalam bahasa Inggeris.

| |
|---|
| *Sovereignty* |

Apakah maksud perkataan tersebut?

**A** Negara berhak menentukan sempadan negeri

**B** Negara bersatu menentang penceroboh luar

**C** Negara berkuasa penuh dalam pentadbiran

**D** Negara berjuang menuntut kemerdekaan mutlak

4. Apakah persamaan sumbangan tokoh berikut?

| |
|---|
| ● Aristotle, Ahli Falsafah Yunani |
| ● Jean Bodin, Ahli Falsafah Politik Perancis |

**A** Penyatuan negara

**B** Tafsiran Kedaulatan

**C** Pengasas realpolitik

**D** Kediktatoran pemerintah

5. T



semangat.

Ibnu Khaldun

Apakah kekuatan semangat tersebut?

I Semangat bersatu padu

II Semangat berpolitik

III Semangar beragama

IV Semangat kekitaan bangsa

**A** I dan II

**B** I dan IV

**C** II dan III

**D** III dan IV

6. Bagaimanakah jenis kedaulatan sesebuah negara ditentukan?

**A** Rumpun bahasa

**B** Etnik kerakyatan

**C** Sempadan negeri

**D** Bentuk pemerintahan

7. Maklumat berikut berkaitan dengan tafsiran kedaulatan.

| |
|---|
| Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. |

Siapakah tokoh yang memberi tafsiran tersebut?

**A** Dato' Onn Jaafar

**B** Tunku Abdul Rahman

**C** Dr. Burhanuddin al- Helmi

**D** Tun Dr. Mohamad Salleh Abas

8. Pilih pasangan yang tepat berkaitan dengan jenis kedaulatan berikut.

| | Jenis Kedaulatan | Maksud |
|---|---|---|
| **A** | Kedaulatan moden | Berasaskan sistem pemerintahan berkuasa mutlak |
| **B** | Kedaulatan tradisional | Kedaulatan terletak pada kewibawaan pembesar |
| **C** | Kedaulatan antarabangsa | Merujuk pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) |
| **D** | Kedaulatan undang-undang | Kerajaan dan rakyat terikat oleh kesetiaan terhadap raja |

9. Bagaimanakah kedudukan raja ditentukan mengikut kedaulatan tradisional?

**A** Kesetiaan rakyat

**B** Kestabilan politik

**C** Kekuatan ketenteraan

**D** Keunggulan perlembagaan

10. Apakah ciri-ciri kedaulatan yang menjadi identiti sebuah negara?

I Mempunyai teknologi

II Mempunyai kewangan

III Mempunyai sempadan

IV Mempunyai pemerintahan

**A** I dan II

**B** I dan IV

**C** II dan III

**D** III dan IV

11. Malaysia berjiran dengan Singapura dan Thailand. Bagaimanakah tindakan negara mewujudkan pemisahan antara negara tersebut?

**A** Pendaftaran kerakyatan

**B** Penguatkuasaan undang-undang

**C** Pengukuhan kawalan ketenteraan

**D** Penetapan sempadan

12. Apakah asas sistem perundangan negara kita?

**A** Badan Kehakiman

**B** Senarai Persekutuan

**C** Yang di-Pertua Agong

**D** Perlembagaan Persekutuan

13. Apakah peranan utama Yang di-Pertuan Agong dalam pentadbiran negara?



Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-19

**A** Ketua Kerajaan

**B** Ketua Institusi Beraja

**C** Ketua Utama Negara

**D** Ketua Pentadbiran Negara

14. Rajah berikut menunjukkan peruntukan kuasa dalam Perlembagaan Malaysia.

**Pengagihan Kuasa**

Kerajaan Persekutuan | Kerajaan Negeri

Apakah kesan daripada pengagihan kuasa tersebut?

**A** Mengukuhkan sistem pertahanan

**B** Melancarkan pentadbiran negara

**C** Mengelakkan pergaduhan kaum

**D** Menjamin kekayaan negeri

15. Senarai berikut berkaitan dengan usaha kerajaan selepas memperoleh kedaulatan negara.

- Rukun Negara
- Bahasa Kebangsaan
- Kebudayaan negara

Apakah matlamat utama usaha kerajaan tersebut?

**A** Memajukan bidang ekonomi

**B** Memupuk perpaduan rakyat

**C** Menyekat kedatangan imigran

**D** Menyalurkan bantuan kewangan

16. Kerajaan berperanan melakukan dasar kemakmuran ekonomi negara.

Bagaimanakah peranan tersebut dapat dilaksanakan?

**A** Selepas perlantikan Perdana Menteri

**B** Selepas penubuhan kabinet kerajaan

**C** Selepas pilihan raya umum dijalankan

**D** Selepas negara memperoleh kemerdekaan

17. Apakah peranan pemerintah untuk mencapai matlamat berikut?

| |
|---|
| ● Mewujudkan kestabilan politik<br>● Menjamin kemakmuran ekonomi |

**A** Memberikan kesetiaan

**B** Mengukuhkan parti politik

**C** Mengelakkan amalan rasuah

**D** Menghormati lambang negara

18. Bagaimanakah usaha negara memperjuangkan kedaulatan rakyat?

**A** Menjamin kestabilan politik

**B** Menamatkan bayaran cukai

**C** Mengadakan rundingan damai

**D** Memperkenalkan sistem beraja

19. Bagaimanakah pemerintah dapat mengukuhkan pertahanan negara?

I Memodenkan aset ketenteraan

II Mengadakan perjanjian pertahanan

III Mengamalkan ideologi Rukun Negara

IV Menganjurkan sambutan Hari Kemerdekaan

**A** I dan II

**B** I dan IV

**C** II dan III

**D** III dan IV

20. Maklumat berikut merupakan lambang-lambang negara.

- Jata Negara
- Bendera Jalur Gemilang
- Lagu Negaraku

Mengapakah rakyat perlu menghormati lambang-lambang tersebut?

**A** Membina sahsiah diri yang berdisiplin

**B** Menanam perasaan cinta akan negara

**C** Mempertahankan kemakmuran negara

**D** Mengekalkan sistem demokrasi berparlimen

**BAHAGIAN B:** SOALAN STRUKTUR

**[** masa diperuntukkan 20 minit **]**

**Arahan:** Jawab **semua** soalan.

1. Terdapat dua perkataan dalam bahasa Yunani yang merujuk takrif kedaulatan.

(a) Apakah **dua** perkataan tersebut?

I. ____________________________________________

II ____________________________________________

[ 2 *markah* ]

(b) Nyatakan takrif kedaulatan dalam bahasa Yunani.

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

[ 2 *markah* ]

(c) Mengapakah kedaulatan negara kita wajar untuk dipertahankan oleh semua lapisan masyarakat?

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

[ 3 *markah* ]

(d) Negara Malaysia sedang menghadapi pelbagai ancaman yang boleh merosakkan kedaulatan negara. Jelaskan ancaman tersebut.

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

[ 3 *markah* ]

**TAMAT**